



MUZIUM TEKSTIL NEGARA

National Textile Museum



PENGENALAN INTRODUCTION

Muzium Tekstil Negara merupakan sebuah muzium khusus yang berperanan mengumpul, menyelidik, memelihara, mendokumentasi dan mempamerkan koleksi tekstil negara yang terdapat di Malaysia terutamanya hasil kerja tangan tradisional oleh masyarakat berbilang etnik seperti Melayu, Cina, India, Orang Asli, Pribumi Sabah dan Sarawak.

Muzium ini ditempatkan di sebuah bangunan warisan yang bercirikan senibina Moghul-Islam. Arkiteknya, A.B Hubback mereka bentuk bangunan ini sebagai Ibu Pejabat Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1905. Bangunan ini pernah diduduki oleh pelbagai jabatan sebelum dibaik pulih dan dijadikan muzium pada tahun 2007.

Muzium Tekstil Negara seterusnya telah dibuka kepada pengunjung pada 9 Januari 2010. Perasmian Muzium Tekstil Negara telah disempurnakan pada 17 April 2012 oleh YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia.

The National Textile Museum is a specialised museum whose role is to collect, research, conserve, document and display the diverse national textile collection, especially the traditional handwork of the multi-ethnic society of Malaysia comprising Malays, Chinese, Indians, Orang Asli and the Indigenous peoples of Sabah and Sarawak.

The museum is housed in an elegant and historic building of Moghul-Islamic architecture. Architect A.B Hubback designed this building as the headquarters of the Federated Malay States Railway in 1905. It had also previously been occupied by various departments before it was conserved and refurbished as a museum in 2007.

The National Textile Museum has been opened to public since 9th January 2010. The Honourable Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, wife of Prime Minister of Malaysia, officially opened the museum on 17th April 2012.



Photo: Richard Dohke / Corbis



GALERI POHON BUDI
POHON BUDI GALLERY



GALERI PELANGI
PELANGI GALLERY



GALERI TELUK BERANTAI
TELUK BERANTAI GALLERY



GALERI RATNA SARI
RATNA SARI GALLERY

GALERI POHON BUDI

POHON BUDI GALLERY


Galeri Pohon Budi mempamerkan sejarah tekstil yang bermula dari zaman pra sejarah serta perkembangan tekstil melalui jalan perdagangan. Turut diperagakan adalah peralatan, bahan dan teknik tradisional pembuatan tekstil melalui proses tenunan, sulaman, membatik, tekatan, mengait serta hiasan manik dengan tumpuan kepada tekstil terunggul di negara ini seperti songket, pua kumbu, telepuk, tekatan, kelingkan/keringkam, linangkit, kain pis, hiasan manik dan batik.

The Pohon Budi Gallery showcases the origins of textiles from the pre-historic times and follows its growth through trade. The gallery focused on the tools, material and traditional techniques of textile-making through the process of weaving, embroidering, knitting and beading with emphasis on Malaysia exquisite textiles like the songket, pua kumbu, telepuk, tekatan, kelingkan/keringkam, linangkit, pis cloth, decorative beads and batik textile-making.



Cindai
Cindai

ARAS BAWAH Ground Floor



GALERI SAINDERA SAINDERA GALLERY



ARAS SATU First Floor

GALERI PELANGI

PELANGI GALLERY

Galeri ini mempamerkan koleksi warisan terpilih seperti kepelbagaian dan perkembangan batik, koleksi tekstil Baba, Nyonya dan Cina seperti sulaman benang sutera, benang emas dan manik-manik; fabrik dari India seperti kain-kain broket, kain kapas dan tekanan serta pelbagai koleksi tekstil etnik di Sarawak dan Sabah yang halus buatannya dan beraneka motif.

This gallery exhibits selected heritage collections, like the different types of batiks and their growth over the years; the textiles of Baba, Nyonya and Chinese community who use silk and gold threads and beading; the fabrics of the Indian such as brocade, cotton and embroidery from India; as well as the profusely fine and varied motifs of ethnic textile collections from Sabah and Sarawak.



Batik Berayat
Scripted Batik



GALERI RATNA SARI RATNA SARI GALLERY

Galeri Ratna Sari memperagakan barang kemas dan perhiasan diri pelbagai etnik di Malaysia daripada bahan seperti emas, perak, tembaga, gangsa, manik, gigi binatang dan tumbuh-tumbuhan untuk dipakai dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Antaranya adalah mahkota, anting-anting, cucuk sanggul, dokoh, pending, gelang tangan, caping, gelang kaki dan lain-lain.

The Ratna Sari gallery exhibits jewellery items and personal adornments of the various ethnic groups made of gold, silver, copper, bronze, beads, animal teeth and plants which are designed to be worn from head to toe. Among them are crowns, earrings, hairpins, necklaces with a large concave pendant, large waist buckles, bracelet, modesty discs, anklet and others.


GALERI SAINDERA SAINDERA GALLERY

Galeri ini digunakan untuk pameran berteaktiviti dan program awam.

The gallery is used for thematic exhibition activities and public programmes.



Celepa
Tobacco Box



Songket
Songket



Siambitan
Siambitan

GALERI TELUK BERANTAI

TELUK BERANTAI GALLERY

Galeri Teluk Berantai mempamerkan kekayaan, kehalusan dan keindahan koleksi warisan Melayu seperti tekatan benang emas, sulaman, kelingkan atau keringkam, kain tenun, kain limar, songket, kain limar songket tenggarung, kain telepuk dan kain berayat.

The Teluk Berantai gallery exhibits the richness, finesse and beauty of the Malay heritage collections, such as gold thread embroidery, kelingkan, woven cloth, limar cloth, songket, limar songket tenggarung cloth, gilded cloth and scripted cloth.

HARI DAN MASA LAWATAN VISITING HOURS

9.00 pagi hingga 5.00 petang
(Pelawat terakhir masuk pukul 4.30 petang)

Muzium ditutup pada:

- Setiap hari Isnin pertama setiap bulan.
- Hari pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri
- Hari pertama Hari Raya Aidiladha

*Daily 9.00am to 5.00pm
(Last admission at 4.30pm)*

Museum is closed on:

- *The first Monday of each month*
- *First and second day of Aidilfitri*
- *First day of Aidiladha*

ALAMAT ADDRESS

MUZIUM TEKSTIL NEGARA
No.26, Jalan Sultan Hishamuddin,
50050 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2694 3457 / 3461

KEMUDAHAN DISEDIAKAN FACILITIES AVAILABLE

- **KAFETERIA**
Cafe
- **PUSAT SUMBER**
Resource Centre
- **KEDAI CENDERAMATA**
Gift Shop

BAYARAN MASUK ENTRANCE FEES

Warganegara Malaysia/MYKAD Local Citizen/MYCARD)

Dewasa (12 tahun ke atas) Adult (12 years old and above)	RM 2.00
--------------------------------------------------------------	---------

Warga Emas & OKU Senior Citizen & Disabled person	RM 1.00
------------------------------------------------------	---------

Kanak-kanak (12 tahun ke bawah) Children (under 12 years old)	PERCUMA Free
------------------------------------------------------------------	-----------------

Warga Asing/Foreigner

Dewasa (12 tahun ke atas) Adult (12 years old and above)	RM 5.00
--------------------------------------------------------------	---------

kanak-kanak (6 - 12 tahun) Children (6 - 12 years old)	RM 2.00
-----------------------------------------------------------	---------

kanak-kanak 6 tahun ke bawah) Children (below 6 years old)	PERCUMA Free
----------------------------------------------------------------	-----------------



MUZIUM TEKSTIL NEGARA
National Textile Museum



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA



JABATAN MUZIUM MALAYSIA
DEPARTMENT OF MUSEUMS MALAYSIA

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.
Tel : 03 - 2267 1000 | Faks: 03 - 2284 9130

www.jmm.gov.my



<https://www.facebook.com/muziumtekstilnegara>



<https://www.instagram.com/nationaltextilemuseum>

www.muziumtekstilnegara.gov.my